

# Contohi hubungan erat kesatuan, pengurusan

MELAKA 4 Sept. - Hubungan erat antara Kesatuan Pegawai Am Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan pengurusan universiti itu wajar dijadikan contoh.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman berkata, hubungan harmoni antara pengurusan UTeM dan kesatuan wajar dijadikan contoh oleh semua pertubuhan di negara ini.

"Saya gembira melihat kerjasama erat yang ditunjukkan oleh pengurusan UTeM dengan kesatuan kakitangannya.

"Ini wajar dijadikan contoh oleh semua kesatuan di negara ini agar sebarang permasalahan atau perbincangan berkaitan perkhidmatan dapat diselesaikan secara muafakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran kesatuan itu dengan kerjasama Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Universiti Malaysia (Gakum) di

UTeM, kampus Durian Tunggal di sini baru-baru ini.

Majlis itu turut dimeriahkan oleh kira-kira 500 orang perwakilan kesatuan kakitangan universiti di seluruh negara yang bernaung di bawah Gakum.

Dalam pada itu, Omar yang juga merupakan Pengerusi Gakum menyeru penjawat awam terutamanya yang berkhidmat di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) agar menunjukkan keperibadian yang luhur dan tinggi dalam melaksanakan tugas.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada Gakum serta Kesatuan Pegawai Am UTeM atas penganjuran majlis yang berjaya menghimpunkan sejumlah perwakilan kesatuan.

Kata beliau, perhimpunan seumpama itu membantu mengeratkan lagi hubungan sesama wakil kesatuan dan secara tidak langsung membentuk rangkaian kerjasama yang lebih berkesan.